Program Usahasama Perkongsian Ilmu antara MINDA, Politeknik Ungku Omar dan Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Pulau Pinang

Oleh: Ts. Syahrul Fithry Bin Senin



Satu program webinar telah diadakan di antara Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Politeknik Ungku Omar (PuO) dan MINDA pada 18 Mac 2021. Wakil dari Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Pulau Pinang, Ts. Syahrul Fithry Bin Senin telah dijemput menjadi salah seorang ahli panel di dalam kerjasama ini untuk perkongsian ilmu mengenai penyenggaraan bangunan menggunakan teknologi industri 4.0.

Program ini telah dihadiri oleh hampir 50 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam, PuO. Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam PuO iaitu Dr. Azuin Binti Ramli telah mengalu-alukan kehadiran panel di dalam webinar tersebut.

Ahli panel telah menerangkan dengan terperinci kepada pelajar-pelajar PuO mengenai teknologi-teknologi penyenggaraan tanpa musnah (Non-Destructive Maintenance Technology) seperti penggunaan Ground Penetrating Radar, teknologi kamera, dan Machine Learning untuk kerja-kerja pemantauan dan penyenggaraan sesebuah infrastruktur pada masa kini. Rangka kerja penggunaan teknologi dan beberapa kajian kes hasil dari kerja-kerja penyelidikan beliau telah dikongsikan kepada warga akademik dan pelajar-pelajar tersebut.

Sesi webinar ini dilaksanakan selama 30 minit sahaja iaitu bermula pada jam 11 pagi dan berakhir pada jam 1130. Program ini telah mendapat maklumbalas yang amat positif dan akan dilaksanakan di masa akan datang.